

DATE : 28 October 2014
PUBLICATION : Yahoo News (Online)
SECTION : Berita BM
HEADLINE : Maybank Asset Management, Bosera Jalin Kerjasama Bangun Dana

MAYBANK ASSET MANAGEMENT, BOSERA JALIN KERJASAMA BANGUN DANA



Bernama Media – Tue, Oct 28, 2014

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Maybank Asset Management Group Bhd

memeterai perjanjian kerjasama dengan Bosera Asset Management (International) Co

Ltd yang berpangkalan di Hong Kong pada Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ke-10

hari ini.

Perkongsian itu akan membangunkan bersama dana yang melabur dalam ekuiti

patuh Syariah dan/atau sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dalam Asean dan

di rantau China.

Perjanjian kerjasama itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk

Seri Najib Tun Razak.

Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Asset Management Nor' Azamin Salleh berkata kedua-dua pihak sedang berusaha membangunkan dana ekuiti Islam Asean dan China yang akan dilancarkan pada suku pertama 2015.

Beliau berkata produk pelaburan Islam akan menarik segmen pelaburan besar di China memandangkan penduduk Islam yang ramai di negara itu, serta pelabur kelas pertengahan yang mahukan pelaburan yang baik dan beretika.

"Dengan keupayaan kami menguruskan aset Islam, kami yakin dapat menyediakan produk Islam bertaraf dunia yang mematuhi garis panduan dan standard Syariah Antarabangsa," kata Nor' Azamin dalam satu kenyataan hari ini.

Beliau berkata penilaian semasa masih menarik di China kerana negara itu merupakan yang termurah di rantau Asia berbanding harga pelaburan di India dan juga lebih murah berbanding negara Barat.

Aset di bawah pengurusan Maybank Asset Management Group berjumlah RM12.4 bilion pada 30 Sept, 2014.

-- BERNAMA

SRH WGM ZK

10/28/2014 22-11ST